

FIESTA MUZIKA MAKUM 2008

KETENGAH IRAMA NUSANTARA KEPADA MAHASISWA

18 Mac 2008 : Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTem) terus mengekalkan kejuaraan buat kali kedua dalam Fiesta Muzika MAKUM 2008 yang berlangsung di Dewan Kapitol Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Kangar, baru-baru ini. Kumpulan ini berjaya menewaskan lima kumpulan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lainnya pada peringkat akhir melalui dendangan lagu "Tanya Sama Itu Hudhud" dan sebuah lagu Inggeris "I'm Telling You I'm Not Going".

Tempat kedua pula diraih oleh Universiti Sains Malaysia (USM) yang berjaya memperbaiki kedudukan mereka selepas hanya menduduki tempat ketidapada pertandingan tahun lalu. Selain itu, pasukan USM juga turut dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori persembahan terbaik. Manakala kumpulan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) pula menduduki tempat ketiga.

Selain pasukan UTem, USM dan USIM, tiga lagi kumpulan yang membuat persembahan diperingkat akhir ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan peserta tuan rumah iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

Sebanyak 12 pasukan mengambil bahagian dalam pertandingan yang dianjurkan secara bersama oleh UniMAP dan Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa) serta Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Pertandingan yang bertemakan "Muzik Menyemarakkan Perpaduan Bangsa" ini dirasmikan oleh Raja Muda Perlis merangkap Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizzuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan Tuanku turut mencemarduli menyampaikan hadiah kepada pemenang. Turut hadir, Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah Khalil dan Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato' Dr. Kamarudin Hussin.

Penganjuran program ini diharap dapat menggalakkan mahasiswa IPTA bergaul sesama sendiri bagi memupuk sikap hormat-menghormati dan perpaduan kaum di kalangan warga kampus selain mengenengahkan muzik berirama nusantara kepada mahasiswa bagi memupuk nilai-nilai perpaduan di antara satu sama lain.

